

MEMO

Tarikh : 9 Jun 2023

Kepada : YBrs. En. Zahid Ismail, Timbalan Ketua Pengarah

Daripada : Puan Nur Faizah Tasman, Penolong Pengurus, Unit Pentadbiran

Melalui : Encik Mohd Yazid Abdul Majid, Pengarah MSF

**Perkara : Permohonan Sokongan Kelulusan Bagi Menjalankan Bengkel
Pemantapan Pengurusan Peruntukan Pembangunan & Operasi
Bersama MITI**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dalam usaha bagi memantapkan pengetahuan pengurusan peruntukan setiap pemilik bajet di MPC dalam membuat permohonan operasi (OE), Bahagian MSF akan menganjurkan satu bengkel seperti ketetapan berikut:

**Tajuk : Bengkel Pemantapan Pengurusan Peruntukan
Pembangunan & Operasi Bersama MITI**
Tarikh : 15 – 17 Jun 2023 (Khamis – Sabtu)
Tempat : Hotel Grand Ion Delemen, Genting Highlands

3. Untuk makluman, seramai 53 peserta yang akan terlibat dalam bengkel ini (46 pegawai dari MPC dan 7 pegawai dari MITI) , dengan jumlah kos anggaran keseluruhan bengkel adalah seperti berikut:

Perkara	RM
Penginapan	40,000.00
Elaun Perjalanan	14,970.00
Elaun Fasilitator	1,440.00
Jumlah	56,410.00

4. Sehubungan itu, sokongan Tuan adalah dipohon untuk meluluskan penganjuran bengkel tersebut pada tarikh dan tempat yang dinyatakan.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh:



(Nur Faizah Tasman)
Penolong Pengurus
Unit Pentadbiran
Perbadanan Produktiviti Malaysia
Tarikh: 9 Jun 2023

Disokong oleh:



(Mohd Yazid Abdul Majid)
Pengarah MSF
Perbadanan Produktiviti Malaysia
Tarikh: 9 Jun 2023

Diluluskan / Tidak Diluluskan oleh:



(Zahid Ismail)
Timbalan Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia
Tarikh: 9 Jun 2023